


Bahan 2**AMALAN INTEGRITI DALAM KELUARGA**

Saling menyayangi antara ahli keluarga

Mendidik anggota keluarga dengan ajaran agama atau kepercayaan



Perkataan integriti dipinjam daripada perkataan ‘integrit’ dalam bahasa Inggeris. Kamus dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1985 menjelaskan integriti ialah sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang pada prinsip, *perilaku mulia*, tidak mudah dipengaruhi, dan boleh dipercayai.

Sumber: <https://online.fliphtml5.com>

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah maksud rangkai kata *perilaku mulia*? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan amalan-amalan integriti dalam kehidupan bermasyarakat. [4 markah]
- (iii) Nilai-nilai murni sangat penting dalam kehidupan kita. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan timbul jika nilai murni tidak menjadi amalan masyarakat? [3 markah]
- (iv) Ali merupakan seorang calon harapan sekolah yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, dia selalu keluar melepak sehingga lewat malam. Banyak kerja sekolahnya tidak dapat disiapkan malah Ali juga sering ponteng sekolah. Walaupun telah diberi amaran oleh pihak sekolah, Ali tidak mengendahkannya. Sekiranya anda sebagai ibu bapa Ali, apakah tindakan-tindakan yang patut anda lakukan supaya dapat membantu Ali mengubah sikapnya? [4 markah]